

12/03/1999

Sun Media fail pembelaan saman Anwar

KUALA LUMPUR, Khamis - Penerbit akhbar The Sun, Sun Media Corporation Sdn Bhd, hari ini memfailkan pernyataan pembelaan terhadap tuntutan RM100 juta yang dikemukakan Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam saman malunya.

Pernyataan pembelaan itu difailkan melalui Tetuan V Siva & Partners di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, jam 3.24 petang tadi, bagi menjawab dakwaan Anwar bahawa pihak defendan mengeluarkan satu artikel yang berniat jahat serta memfitnahnya.

Anwar dalam pernyataan tuntutannya, yang difailkan pada 26 Februari lalu, menuntut ganti rugi RM100 juta kerana mendakwa Sun Media selaku penerbit dan pencetak akhbar The Sun mengeluarkan satu artikel yang berniat jahat serta memfitnahnya.

Artikel berkenaan, bertajuk "Anwar's Behaviour Despicable" diterbitkan di halaman dua akhbar itu pada 23 September 1998.

Artikel itu memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggambarkan pembabitkan Anwar dalam perbuatan seks luar tabii dengan seorang lelaki lain.

Sun Media dalam pembelaannya menafikan perkataan yang diadukan dalam tuntutan Anwar membawa atau difahamkan untuk membawa maksud yang Anwar seorang homoseksual yang bertentangan dengan aturan tabii.

Selain itu, pihak defendan juga berkata perkataan yang diadukan diterbitkan atas satu keadaan perlindungan bersyarat.

Menurutnya, ia menjadi kewajipan defendan menerbitkan artikel berkenaan untuk pembacanya.

Sun Media mendakwa artikel berkenaan melaporkan dengan tepat kenyataan Perdana Menteri dalam satu sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri pada 22 September 1998, yang turut dilaporkan dalam akhbar kebangsaan lain.

Menurutnya, dalam sidang akhbar berkenaan, Perdana Menteri memberi penjelasan berhubung pelucutan jawatan Anwar serta sebab beliau ditahan, dan salah laku seks yang dikatakan dibuat oleh Anwar.

Selanjutnya, kata defendan, perkataan yang diterbitkan adalah komen yang berpatutan berhubung perkara yang membabitkan kepentingan umum.

Selain itu, Sun Media juga mengakui menerbitkan semula perkataan berkenaan sebagai sebahagian satu artikel lain pada 28 Januari lalu.

Bagaimanapun, katanya, itu dibuat selepas plaintif mengumumkan secara terbuka berhubung saman terhadap The Sun.

(END)